

## **NOVEL - PELARI MUDA (PRAKTIS PERSOALAN)**

### **Latihan**

**Persoalan merupakan idea kecil yang bertujuan untuk menghidupkan dan memperkukuhkan tema.**

Huraikan **3 persoalan** beserta **contoh peristiwa** yang sesuai berdasarkan Novel Pelari Muda

Berdasarkan novel Pelari Muda karya Ghazali Ngah Azia, antara persoalan yang terdapat dalam novel tersebut adalah persoalan \_\_\_\_\_. Sebagai contoh, Kamarul menjadi sombong terhadap jurulatih dan rakan-rakannya selepas dia berjaya mewakili negara dalam Kejohanan Sukan SEA di Brunei. Seterusnya, persoalan \_\_\_\_\_. Contohnya, Encik Kadir mengingatkan anak-anak didiknya akan kepentingan disiplin dalam membentuk diri seseorang menjadi lebih bertanggungjawab. Akhir sekali, persoalan \_\_\_\_\_. Sebagai contoh, Juriah menasihati Sariadah akan memberikan perhatian terhadap pelajaran daripada asyik mengingati masalahnya dengan Kamarul.

Ketegasan seorang ketua dalam mentadbir urus organisasi
Percintaan sewaktu bersekolah boleh menjejaskan prestasi akademik
Komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas dan amanah
Keberanian seorang sahabat menegur demi kebaikan
Kegigihan seorang atlet untuk meningkatkan prestasi diri
Pelajaran penting demi masa depan
Kepentingan disiplin diri yang tinggi dalam usaha mencapai kejayaan
Kemasyhuran diri yang menyebabkan seseorang lupa diri

## LATIHAN

**Persoalan merupakan aspek penting penceritaan dan fokus utama dalam sesebuah novel.**

Huraikan **3 persoalan** yang dikemukakan oleh pengarang beserta **contoh peristiwa** yang sesuai

**Persoalan:**

- 1. Sikap mudah lupa diri apabila sudah berjaya**
- 2. Kepentingan ilmu dalam kehidupan**
- 3. Insaf akan kesilapan diri**

Berdasarkan novel Pelari Muda karya Ghazali Ngah Azia, antara persoalan yang telah dikemukakan oleh pengarang ialah persoalan \_\_\_\_\_. Sebagai contoh, Kamarul menjadi seorang yang angkuh dan ego terhadap jurulatih dan rakan-rakannya. Namun, akhirnya dia menginsafi atas kesilapannya dan berazam untuk memperbaiki dirinya. Persoalan yang seterusnya ialah persoalan \_\_\_\_\_. Sebagai contoh, Kamarul menjadi sombong terhadap jurulatih dan rakan-rakannya selepas dia berjaya memenangi Kejohanan Sukan SEA di Brunei. Akhir sekali, persoalan \_\_\_\_\_. Contohnya, Juriah menasihati Sariadah supaya memberikan perhatian terhadap pelajaran daripada mengingati masalahnya dengan Kamarul.